

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10391

SOALAN :

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewajibkan premis perniagaan yang berada di kawasan tumpuan ramai untuk memasang CCTV berteknologi tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 45 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara di bawah Program Bandar Selamat yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memasang sebanyak 992 CCTV untuk mengurangkan kadar jenayah jalanan yang dipantau oleh balai-balai polis berdekatan.

Selain daripada pemasangan CCTV di bawah Program Bandar Selamat, PBT atas inisiatif sendiri telah memasang sebanyak 3,316 CCTV dengan menggunakan peruntukan PBT atau Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Walau bagaimanapun, hanya sebahagian sahaja CCTV disambungkan ke balai-balai polis berhampiran kerana fungsinya lebih kepada pengawasan lalu lintas dan pemantauan aktiviti perbandaran.

Bagi premis-premis perniagaan pula, CCTV dipasang atas inisiatif mereka sendiri bagi tujuan pencegahan jenayah dan memantau aktiviti di premis perniagaan. CCTV berkenaan tidak disambungkan ke mana-mana balai polis berhampiran. PDRM akan mendapatkan rakaman CCTV daripada pemilik premis sekiranya berlaku kejadian jenayah bagi membantu siasatan.

Soalan (41)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

SOALAN :-

YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi membantu sistem perparitan dan saliran di negeri Perlis kerana salah satu penyebab berlakunya banjir di negeri Perlis baru-baru ini akibat sistem perparitan dan saliran tidak diselenggarakan dengan baik.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk membantu sistem perparitan dan saliran di negeri Perlis melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan menyalurkan peruntukan di bawah Program Pembangunan Projek BP.1 pada setiap tahun. Pada tahun 2015 sebanyak RM178,000.00 telah disalurkan kepada PBT di Perlis untuk menaiktaraf longkang di Taman Singgahsana, Padang Besar, Kangar. Manakala pada tahun 2017, sebanyak RM2,65 juta disalurkan kepada PBT di Perlis di bawah Program Pembangunan Projek BP.1 bagi menaiktaraf longkang dan laluan pejalan kaki di Arked Niaga Padang Besar, Kangar dan RM60,000.00 untuk menaiktaraf longkang di bahagian belakang kawasan Gapura Square, Padang Besar, Kangar.

KPKT juga menyarankan agar PBT melaksanakan beberapa langkah bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang boleh mengakibatkan kejadian banjir kilat seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti parit, longkang, pembetung dan kolam takungan yang berisiko yang boleh menyebabkan kejadian banjir;
- (ii) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan kolam takungan bagi melancarkan aliran air dengan tindakan:
 - a) Membuang kekotoran atau longgokan sampah dalam parit atau sump;
 - b) Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air; dan
 - c) Memperbaiki sistem perparitan, longkang dan pembetung yang rosak atau menaik taraf parit yang berisi padu rendah;
- (iii) Memantau dan memastikan pemaju projek pembangunan supaya sentiasa menyelenggara parit, longkang, pembetung dan kolam takungan serta menjaga kebersihan kawasan pembangunan; dan
- (iv) Mewujudkan jaringan kerjasama dengan jabatan/agensi teknikal yang berkaitan seperti Perbadanan Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dalam menangani isu berkaitan banjir.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017

Soalan (42)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]

SOALAN :-

YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia memformulasikan suatu polisi bagi memastikan program-program yang meruntuhkan nilai ketimuran seperti Pesta Arak Better Beer Festival tidak dianjurkan di negara ini.

Jawapan :

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelulusan untuk menganjurkan pesta arak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri berdasarkan Enakmen Hiburan Negeri yang berkenaan.